



**PIHAK BERKUASA PERANTI PERUBATAN
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

IKLAN JAWATAN KOSONG

1. (a) Jawatan : **Penolong Pegawai Teknologi Maklumat Gred FA5**
a) **Backend Developer**
b) **Database Administrator**

(b) Kementerian / Jabatan : **Pihak Berkuasa Peranti Perubatan,
Kementerian Kesihatan Malaysia**

(c) Kumpulan Perkhidmatan : **Pelaksana**

(d) Klasifikasi Perkhidmatan : **Sistem Maklumat**
2. Bilangan Kekosongan Jawatan : **2 jawatan**
3. Gaji Yang Ditawarkan : **RM 2,410.00 minimum**
4. Syarat Lantikan : (a) Warganegara Malaysia;
(b) Berumur tidak kurang 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
(c) Hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; dan
(d) Sijil Teknologi Maklumat, Sijil Kejuruteraan dalam bidang Kejuruteraan Komputer atau Sijil dalam bidang Prosesan Data yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya (Gaji : RM2,410.00) ; atau
(e) Diploma Kemahiran Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya (Gaji : RM2,491.00) ; atau
(f) Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya (RM2,572.00) ; atau
(g) Diploma Sains Komputer, Diploma Teknologi Maklumat atau Diploma Kejuruteraan dalam bidang Kejuruteraan Komputer yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya (Gaji : RM2,734.00).
5. Taraf Jawatan : **Contract For Service (CFS)**
6. Penaklukan Di Bawah Syarat- : Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan Penolong Pegawai Teknologi Maklumat Gred FA5 adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim

- Syarat Skim Perkhidmatan** : Perkhidmatan yang berkenaan yang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.
7. **Fungsi Bidang Tugas** : **Seperti di Lampiran A**
8. **Cara Memohon** : Pemohon dikehendaki untuk melengkapkan borang permohonan dan memuat naik dokumen melalui pautan di bawah.

<https://forms.gle/5aoQvhKgv5yLXshF9>

Atau scan QR kod berikut;



- (i) Pemohon-pemohon yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan / Badan Berkanun / Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah mengemukakan permohonan melalui Ketua Jabatan masing-masing.
 - (ii) Permohonan yang tidak mematuhi peraturan yang ditetapkan atau tidak lengkap akan ditolak.
 - (iii) Hanya calon-calon yang berkeelayakan setelah ditapis dan didapati sesuai sahaja akan dipanggil untuk temuduga. Pemohonan yang tidak menerima apa-apa jawapan dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap sebagai tidak berjaya.
9. **Tarikh Tutup Permohonan** : **23 Disember 2025 (Selasa) jam 3.00 petang**

NURUL AINI BINTI SURIP

Pihak Berkuasa Peranti Perubatan
Kementerian Kesihatan Malaysia
Tarikh: 5 Disember 2025

A) BACKEND DEVELOPER

Deskripsi Tugas:

1. Merancang, membangun, dan menyelenggara logik pelayan (server-side logic) dan sistem pangkalan data yang menyokong aplikasi atau laman web.
2. Mengembangkan dan menyelenggara API (RESTful atau GraphQL) yang akan dihubungkan dengan frontend untuk pemindahan data dan pengurusan interaksi pengguna.
3. Mengoptimumkan aplikasi dari segi prestasi dan kelajuan respons, memastikan aplikasi dapat berfungsi dengan stabil walaupun terdapat peningkatan beban pengguna.
4. Menyediakan penyelesaian autentikasi dan kebenaran untuk memastikan keselamatan data dan akses pengguna.
5. Menyelia dan mengendalikan integrasi pihak ketiga dengan API, seperti sistem pembayaran, perkhidmatan cloud, atau alat analitik.
6. Bekerjasama rapat dengan Frontend Developer, Database Administrator, dan pasukan keselamatan untuk memastikan aplikasi berfungsi dengan lancar, selamat, dan memenuhi keperluan prestasi.

Kemahiran dan pengalaman yang diperlukan:

1. **Bahasa Pengaturcaraan:** Kecekapan dalam satu atau lebih bahasa backend seperti **Java, PHP, Python**, atau **Node.js** untuk membina logik pelayan.
2. **Framework Backend:** Pengalaman dalam framework seperti **Spring Boot** untuk Java atau **Laravel** atau **Yii** untuk PHP bagi memudahkan pembangunan aplikasi backend.
3. **API Development:** Kemahiran membangunkan **RESTful** atau **GraphQL APIs**, termasuk pengurusan panggilan HTTP (GET, POST, PUT, DELETE) dan dokumentasi API untuk integrasi frontend-backend.
4. **Database Management:** Kecekapan dalam **database SQL (MySQL, PostgreSQL)** dan **NoSQL (MongoDB, Firebase)** untuk pengurusan dan penyimpanan data yang cekap.
5. **Authentication & Authorization:** Pengalaman dalam pengurusan keselamatan pengguna, termasuk **OAuth, JWT (JSON Web Tokens)**, atau sistem sesi untuk mengawal akses.
6. **Version Control Systems:** Kemahiran menggunakan **Git** untuk kolaborasi kod, pengurusan versi, dan penyimpanan sejarah perubahan.
7. **Error Handling & Debugging:** Penguasaan teknik debugging untuk menyelesaikan bug dan isu dalam aplikasi menggunakan alat seperti **Postman, Sentry, atau log analysis**.
8. **Performance Optimization:** Kecekapan dalam mengoptimumkan prestasi backend, seperti caching dengan **Redis** atau **Memcached** dan pengurusan load balancing.
9. **Testing dan Quality Assurance:** Pengalaman dalam ujian automatik dan pengujian unit dengan alat seperti **JUnit (untuk Java), PHPUnit (untuk PHP)**, atau **Jest**.
10. **Cloud Services & Deployment:** Pengetahuan asas dalam perkhidmatan cloud seperti **AWS, Google Cloud, atau Microsoft Azure**, serta alat deployment seperti **Docker** dan **Kubernetes**.
11. **Asynchronous Processing:** Pengalaman dengan **RabbitMQ, Kafka**, atau alat lain untuk pemrosesan latar belakang asinkron dan pengurusan beban.
12. **Pengalaman:** Mempunyai pengalaman dua tahun dan ke atas dalam bidang yang dimaksudkan adalah satu kelebihan.

B) DATABASE ADMINISTRATOR

Deskripsi Tugas:

1. Mengurus dan menyelenggara pangkalan data untuk memastikan kestabilan, keselamatan, dan prestasi tinggi dalam aplikasi.
2. Menyediakan, mengkonfigurasi, dan mengoptimumkan pangkalan data untuk menyokong permintaan yang tinggi dan memastikan waktu tindak balas yang cepat.
3. Melakukan backup data secara berkala, serta menyediakan dan melaksanakan pelan pemulihan data untuk mencegah kehilangan data yang tidak disengajakan.
4. Memantau prestasi pangkalan data, mengesan isu atau kelemahan, dan menjalankan penambahbaikan melalui optimisasi query dan penstrukturan data.
5. Mengendalikan keselamatan pangkalan data dengan mengurus akses pengguna, kawalan kebenaran, dan enkripsi data.
6. Bekerjasama dengan pasukan pembangun untuk menyokong pembangunan aplikasi baru atau mengubah struktur pangkalan data mengikut keperluan sistem.

Kemahiran dan pengalaman yang diperlukan:

1. **Pengurusan Pangkalan Data (DBMS):** Penguasaan dalam sistem pangkalan data seperti **MySQL, PostgreSQL, MongoDB**, atau **Oracle**.
2. **SQL dan NoSQL:** Kemahiran tinggi dalam SQL untuk mengurus pangkalan data berstruktur dan NoSQL untuk pangkalan data tidak berstruktur (seperti MongoDB) mengikut keperluan aplikasi.
3. **Backup & Recovery:** Pengalaman dengan alat dan strategi backup serta prosedur pemulihan (recovery) data.
4. **Performance Tuning & Optimization:** Keupayaan dalam mengoptimumkan prestasi query, seperti menggunakan indeks (indexes), pengoptimuman storage, serta teknik caching.
5. **Database Security:** Pengetahuan mendalam dalam keselamatan pangkalan data, termasuk enkripsi data, pengurusan akses pengguna, dan kawalan kebenaran.
6. **Data Modeling & Database Design:** Kecekapan dalam reka bentuk skema pangkalan data yang cekap, berstruktur, dan mudah diskalakan mengikut keperluan perniagaan.
7. **Monitoring Tools:** Pengalaman dengan alat pemantauan dan pengurusan seperti **Nagios, SolarWinds**, atau **pgAdmin** untuk pemantauan prestasi pangkalan data secara berkala.
8. **Scripting Languages:** Penggunaan bahasa skrip seperti **Python** atau **Bash** untuk automasi tugas pentadbiran pangkalan data.
9. **Troubleshooting dan Problem-Solving:** Kemahiran dalam mengenal pasti dan menyelesaikan isu teknikal, seperti masalah query lambat atau data korup.
10. **Pemahaman Cloud Databases:** Pengetahuan dalam pengurusan pangkalan data cloud seperti **AWS RDS, Google Cloud SQL**, atau **Azure SQL Database**.
11. **High Availability (HA) dan Disaster Recovery (DR):** Pengalaman dengan konfigurasi HA seperti replication, clustering, dan failover untuk memastikan ketersediaan pangkalan data yang berterusan.
12. **Pengalaman:** Mempunyai pengalaman dua tahun dan ke atas dalam bidang yang dimaksudkan adalah satu kelebihan.